



# **UNDANG-UNDANG KECIL**

**BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN FELDA MALAYSIA (BKKFM)**

**LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN**

# UNDANG-UNDANG KECIL

BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN FELDA MALAYSIA (BKKFM)

## FASAL 1 NAMA

- Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN FELDA MALAYSIA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

- Takrif Nama : Nil
- Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

## FASAL 2 TEMPAT URUSAN

- Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN SUMBER MANUSIA, TINGKAT 41,**

**MENARA FELDA, PLATINUM PARK,**

**NO 11, PERSIARAN KLCC**

**50088 KUALA LUMPUR**

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Atau tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa.

- Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

## FASAL 3 TUJUAN / MATLAMAT

- Memberi bantuan di atas kematian ahli, suami atau isteri ahli, anak-anak ahli, ibu dan bapa ahli di bawah peruntukan ini:-
  - '**Suami**' maknanya suami yang sah dan masih kekal sahaja
  - '**Isteri**' maknanya isteri yang sah dan masih kekal sahaja.

- c. ‘**Anak**’ maknanya anak ahli termasuk anak tiri dan anak angkat yang didaftarkan;
    - i. Anak lelaki yang berumur di bawah 21 tahun atau sehingga tamat pengajian di Pusat Pengajian Tinggi di peringkat Ijazah Pertama (yang mana dahulu) dan
    - ii. Anak perempuan yang belum berkahwin dengan syarat mereka tinggal dengan ahli.
  - d. ‘**Ibu**’ maknanya ibu kandung, ibu tiri atau ibu angkat yang disahkan undang-undang.
2. Memberi bantuan atas kesulitan ahli akibat bencana alam (Kebakaran, banjir / tanah runtuh, angin ribut) yang menyebabkan kerosakan rumah yang diduduki oleh ahli atau harta benda ahli.
  3. Bantuan sakit kepada ahli, suami atau isteri ahli dan anak-anak ahli yang dimasukkan ke Hospital Kerajaan/Swasta melebihi 3 hari berturut-turut.

#### FASAL 4 KEAHLIAN

1. Keahlian adalah terbuka kepada semua Kakitangan Felda, berkelakuan baik dan waras fikirannya.
2. Permohonan menjadi ahli hendaklah dikemukakan kepada setiausaha dengan menghantar borang rasmi Pertubuhan. Borang-borang itu hendaklah diisikan dengan sempurna dengan mengandungi pencadang, penyokong dan maklumat-maklumat lain yang dikehendaki dengan betul.
3. Lantikan menjadi ahli hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau dengan budibicara mereka menolak permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya.
4. Ahli-ahli Pertubuhan ini hendaklah mengandungi sekalian mereka yang menandatangani permohonan untuk mendaftarkan Pertubuhan ini dan mereka yang diterima di bawah Undang-undang ini dari masa ke semasa.

5. Tiap-tiap permohonan yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas hendaklah, setelah membayar yuran bulan pertama seperti yang tertentu, diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia menjadi ahli.
6. Yuran adalah dibayar pada tiap-tiap bulan dengan cara memotong gaji ahli pada kadar yang disebutkan di bawah:-

<u>Gaji Ahli</u>	<u>Yuran Bulanan</u>
Kurang dari RM 1,000.00	RM 3.00
RM 1,001.00 ke atas	RM 5.00

7. Yuran bulan pertama akan dikenakan pada bulan permohonannya diluluskan oleh Jawatankuasa.
8. Seseorang ahli yang telah menyempurnakan syarat-syarat di bawah fasal ini berhak mendapat bantuan.

## FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Seseorang ahli dianggap berhenti dan digugurkan dengan sebab:-
  - a. Meninggal Dunia;
  - b. Tamat perkhidmatannya dengan Felda;
  - c. Fikiran tidak siuman;
  - d. Dipecat oleh Jawatankuasa oleh sebab-sebab di bawah ini:-
    - i. Berkelakuan tidak sopan yang difikirkan oleh Jawatankuasa akan merosakkan nama Pertubuhan.
    - ii. Membuat sebarang perkara yang bertentangan dengan tujuan dan kehendak Pertubuhan.
2. Sebelum Jawatankuasa memecat ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat menunda atau membatal keputusan itu akan rayuan oleh ahli tersebut.

3. Ahli-ahli Pertubuhan yang keahliannya telah terbatalkan oleh sebab-sebab yang disebutkan di atas tadi tidak boleh menuntut yuran yang telah dibayarnya semasa ia menjadi ahli Pertubuhan.

## FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

1. Sumber kewangan pertubuhan ini adalah terdiri daripada:-
  - a. Yuran bulanan;
  - b. Pemberian dan derma-derma daripada ahli-ahli;
  - c. Dividen, Faedah dan lain-lain pendapatan Pertubuhan;
  - d. Lain-lain sumber wang yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

## FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

1. Mesyuarat Agung terbahagi kepada dua jenis, iaitu Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas.
2. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat daripada 5 bulan selepas tahun berakhir kewangan Pertubuhan.
3. Sekiranya Pengurus tidak hadir, seorang ahli jawatankuasa hendaklah dilantik untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan.
4. Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan:-
  - a. Pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Mesyuarat Jawatankuasa; atau
  - b. Dalam tempoh 30 hari setelah Setiausaha menerima permintaan secara bertulis yang ditandatangani beramai-ramai, tidak kurang dari 1/5 daripada jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat tersebut.
5. Notis bagi Mesyuarat Agung hendaklah diberi kepada ahli-ahli sekurang-Kurangnya 30 hari sebelum diadakan mesyuarat tersebut.
6. Notis ini hendaklah menyatakan tarikh, masa dan tempat hendaklah dipertunjukkan kepada ahli di Pejabat Pertubuhan yang didaftarkan.

7. Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ialah:-
  - a. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung yang lampau;
  - b. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan di dalam tahun yang lalu;
  - c. Menerima penyata kewangan bagi tahun yang lalu;
  - d. Melantik ahli-ahli Jawatankuasa, pemeriksa kira-kira dan pemegang amanah bagi tempoh dua tahun;
  - e. Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
8. Mesyuarat Agung Tahunan hanya sah di jalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali jumlah ahli-ahli Jawatankuasa.
9. Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.
10. Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

1. Pentadbiran dan pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Jawatankuasa seramai 9 orang iaitu:-
  - a. 3 orang yang dilantik oleh Pengurusan Felda iaitu untuk jawatan-jawatan berikut:-
    - i. Seorang Pengerusi.
    - ii. Seorang Setiausaha.
    - iii. Seorang Bendahari.
  - b. 6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dipilih dalam Mesyuarat Agung.
2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap Pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam Pertubuhan ini hendaklah Warganegara Malaysia.

3. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali dan boleh diadakan juga pada bila-bila masa jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.
4. Notis dan agenda untuk Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.
5. Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang dari setengah jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa.
6. Di dalam semua mesyuarat, semua perbahasan hendaklah diputuskan dengan undi yang lebih. Tiap-tiap ahli hanya berhak satu undi sahaja. Seorang Ahli Jawatankuasa tidak boleh mengundi dalam mana-mana mesyuarat berkenaan dengan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri. Kiraan undi sama banyak, maka sesuatu usul itu hendaklah dikira kalah.
7. Semua perkara yang dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dicatatkan dalam Buku Minit Mesyuarat yang berkenaan dan minit-minit itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Mesyuarat dan setelah minit itu disahkan, hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi.
8. Seseorang ahli Jawatankuasa hendaklah berhenti daripada memegang jawatan jika ia:-
  - a. Berhenti menjadi ahli Pertubuhan;
  - b. Tidak hadir mesyuarat tiga kali berturut-turut kecuali dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Jawatankuasa;
  - c. Dilucutkan dari jawatan oleh Mesyuarat Agung.
9. Sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa hendaklah diisi secara dilantik oleh Jawatankuasa sehingga Mesyuarat Agung yang akan datang.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

### 1. Pengerusi.

Pengerusi hendaklah mempengurusikan semua mesyuarat dan menandatangani minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa apabila disahkan. Jika ianya tidak hadir, salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa hendaklah menjalankan tugas beliau. Ia hendaklah memastikan semua pegawai-pegawai Pertubuhan ini menunaikan kewajipan-kewajipan mereka dengan betul dan cekap dan hendaklah juga bertanggungjawab bagi mengaturkan kerja-kerja mereka.

### 2. Setiausaha

Setiausaha hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:-

- a. Menyimpan dengan betul buku-buku yang ditentukan dan juga surat menyurat.
- b. Menandatangani bagi pihak Pertubuhan dan menjalankan kerja-kerja surat menyurat.
- c. Memanggil dan menghadiri Mesyuarat-Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa mengikut undang-undang Pertubuhan.
- d. Mencatatkan butir-butir mesyuarat dan mendapatkan tandatangan ahli-ahli yang hadir.
- e. Menyediakan Laporan Tahunan dan menyerahkan kepada Jawatankuasa.
- f. Mengesahkan bersama-sama Pengerusi salinan-salinan segala perkara-perkara yang bertulis di dalam undang-undang ini.
- g. Menjalankan lain-lain tugas sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa dari masa ke semasa.
- h. Menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti bilangan, siri, nama, tarikh menjadi ahli, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, nama tanggungan dan nama waris.

### 3. Bendahari

Bendahari hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:-

- a. Menjaga semua wang yang diterima oleh Pertubuhan ini dan membuat pembayaran mengikut arahan-arahan Jawatankuasa.

- b. Menyimpan wang yang diterima ke dalam bank di atas nama Pertubuhan dalam masa 24 jam dari penerimaannya.
- c. Mengadakan satu peruntukan wang runcit tidak melebihi RM 2,000.00 untuk perbelanjaan runcit.
- d. Menyimpan dan menjaga dengan selamat akan semua surat sijil simpanan tetap, surat-surat perjanjian dan sebagainya.
- e. Menyediakan semua resit-resit, baucar-baucar dan surat-surat yang dikehendaki mengikut undang-undang ini dan seperti yang dikehendaki oleh Jawatankuasa.
- f. Menyimpan dengan sempurna kira-kira dan buku kira-kira Pertubuhan ini dan menyediakan segala-galanya dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

## FASAL 10 KEWANGAN

- 1. Kira-kira bank Pertubuhan ini hendaklah diuruskan oleh Pengerusi dan Bendahari atau Setiausaha atau mereka-mereka yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa.
- 2. Perbelanjaan Pertubuhan bolehlah dibelanjakan kerana perkara-perkara yang tersebut dibawah ini:-
  - a. Bayaran bantuan-bantuan Pertubuhan dan Saguhati Pesara
  - b. Bayaran perbelanjaan pengurusan Pertubuhan.
  - c. Bayaran perbelanjaan Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas dan Mesyuarat Agung Jawatankuasa.
  - d. Bayaran audit dan khidmat ejen cukai
  - e. Bayaran-bayaran lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa.
  - f. Peruntukan perbelanjaan tahunan Pertubuhan hendaklah dibentang untuk kelulusan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 3. Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Ringgit Sahaja)
- 4. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang dari Pengerusi dan Setiausaha,

atau Pengerasi dan Bendahari atau Setiausaha dan Bendahari. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik pengganti untuk menandatangani cek semasa ketiadaan mana-mana penandatangan tersebut.

## FASAL 11 JURUAUDIT

1. Dua orang Juruaudit Dalaman yang bukannya Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dalam Mesyuarat Agung. Mereka ini akan memeriksa kira-kira Pertubuhan tiap-tiap tiga bulan dan menyampaikan laporannya kepada Setiausaha yang akan menghantar satu salinan penyata itu kepada Jawatankuasa dalam masa 14 hari.
2. Kira-kira Pertubuhan hendaklah diaudit oleh kedua-dua Juruaudit Dalaman itu bersama-sama dan mereka berhak melihat semua buku-buku dan surat-surat keterangan yang mustahak untuk menyempurnakan tugas mereka.
3. Seseorang ahli Pertubuhan bolehlah mengadu dengan bersurat kepada Juruaudit Dalaman mengenai sebarang hal kewangan yang tidak betul, yang telah sampai ke pengetahuannya.
4. Penyata Kewangan Pertubuhan hendaklah juga diaudit oleh seorang Akauntan yang bertauliah atau orang-orang lain yang berkebolehan dan layak dan perlantikan ini hendaklah mendapat kelulusan pendaftar terlebih dahulu. Pemeriksaan kira-kira itu akan dimulakan selepas sahaja tutup tahun kewangan Pertubuhan pada 31hb Disember dan hendaklah diselesaikan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan. Juruaudit Luar berhak melihat kesemua buku-buku dan surat-surat keterangan yang mustahak untuk menyempurnakan tugasnya.
5. Laporan Juruaudit Luar itu akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

## **FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH**

1. Tiga orang pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanah semua harta tetap dan pelaburan kumpulan wang Pertubuhan. Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi seorang Pengamanah.
2. Suatu salinan ketetapan melantik seorang Pemegang Amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan.
3. Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri serta kerana lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

## **FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

1. Di antara Mesyuarat-Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa bolehlah memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung.

## **FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG**

Nil

## **FASAL 15 LARANGAN**

Nil

## FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

1. Segala pindaan kepada undang-undang ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak. Akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan  $\frac{3}{4}$  daripada jumlah ahli-ahli Pertubuhan dengan cara undi sulit. Dalam masa 60 hari selepas tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 17 PEMBUBARAN

1. Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan  $\frac{3}{4}$  daripada ahli-ahli Pertubuhan ini di dalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas kerana itu. Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan pertubuhan ini, maka segala hutang dan piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung untuk membubarkan Pertubuhan ini. Pembubaran itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

## FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

### 1. Bendera

Nil

Keterangan

Nil

### 2. Lambang



#### Keterangan

Bentuk Bulatan melambangkan satu entiti dan satu pasukan sementara logo Felda menunjukkan keahlian petugas dalam Kumpulan Felda dan yang masih mengekalkan entiti dalam Felda sendiri. Bulatan kecil berwarna biru tanda mata wang, Pertubuhan Kebajikan menguruskan yuran ahli dan lambing berbentuk lima jejalur arah ke kanan menggambarkan lima aktiviti utama Pertubuhan-bantuan kematian, bantuan sakit, bantuan bencana, bantuan anak-anak istimewa dan saguhati bersara, memasukkan ciri-ciri keislaman-rukun islam dan sembahyang dan jejalur lima membentuk huruf ‘B’ dan ‘K’ yang bermaksud Pertubuhan Kebajikan Kakitangan. Warna yang ditetapkan warna putih (Bersih dan Amanah), biru (kukuh) dan oren (mengekalkan warna Felda).

### 3. Lencana

Nil

#### Keterangan

Nil

## FASAL 19 KAWASAN PERJALANAN

1. Kawasan perjalanan Pertubuhan ini ialah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

## FASAL 20 TAFSIRAN

1. Di dalam perlembagaan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya maka :-
  - a. ‘**Pertubuhan**’ maknanya BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN FELDA MALAYSIA
  - b. ‘**Felda**’ maknanya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Land Development Ordinance 1956 dan pindaan-pindaannya, termasuk Perbadanan-perbadanan atau anak-anak syarikatnya.

- c. ‘**Jawatankuasa**’ maknanya Jawatankuasa yang dipilih di bawah Fasal 13.
- d. ‘**Pegawai**’ termasuk seorang Pengurus, Setiausaha, Bendahari, Ahli-Ahli Jawatankuasa dan sebarang orang yang telah dikuatkuasakan di bawah Undang-Undang memberi perintah berkenaan dengan perjalanan Pertubuhan ini.
- e. ‘**Peraturan-Peraturan**’ maknanya peraturan-peraturan yang dibuat oleh jawatankuasa dari masa ke semasa bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Pertubuhan.

## FASAL 21 BANTUAN

### 1. Bantuan Kematian

- a. Kadar bantuan kematian yang akan diberikan kepada ahli-ahli atau tanggungannya adalah seperti berikut:-

Kematian ahli	RM	5,000.00
Kematian suami atau isteri ahli	RM	2,000.00
Kematian anak ahli	RM	1,000.00
Kematian bapa ahli, bapa tiri, bapa angkat	RM	500.00
Kematian ibu ahli, ibu tiri, ibu angkat	RM	500.00

- b. Bantuan kematian akan dibayar atas kematian ahli dan tanggungan ahli dengan syarat permohonan di sokong dengan kenyataan surat kematian yang sah. Atas kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan atas kematian ahli, bantuan akan dibayar kepada warisnya. Dalam keadaan di mana suami atau isteri adalah ahli Pertubuhan, kedua-dua ahli layak untuk membuat tuntutan. Bagi kes ibu atau bapa juga diberi kepada adik beradik yang menjadi ahli.
- c. Bantuan diberikan kepada ahli yang kematian bapa tiri, bapa angkat (yang disahkan oleh undang-undang), ibu tiri dan ibu angkat (yang disahkan oleh undang-undang). Mereka perlulah terdiri daripada orang

- yang pernah memelihara ahli, tinggal bersama-sama ahli ataupun kini menjadi tanggungan ahli. Bantuan diberikan jika sekiranya ahli belum menerima di atas kematian ibu dan bapa kandung ahli.
- d. Bantuan kematian anak ahli termasuklah bayi yang dilahirkan tidak cukup bulan (ahli / isteri ahli keguguran) dengan syarat bayi berkenaan telah cukup sifat dan berumur 5 bulan dan lebih semasa dalam kandungan.
  - e. Semua tuntutan bantuan kematian hanya diperakui sah dalam tempoh 3 bulan dari tarikh berlakunya kematian.

## **2. Bantuan Bencana Alam**

- a. Bantuan ini diberikan hanya kepada ahli-ahli yang mengalami kesulitan akibat bencana alam yang menyebabkan kerosakan rumah yang diduduki oleh ahli dan harta benda ahli.
- b. Kadar bantuan yang akan diberikan adalah seperti berikut:-

Kebakaran	RM 500.00
Banjir / Tanah Runtuh	RM 300.00
Angin / Ribut	RM 300.00
- c. Bantuan akan dibayar kepada ahli-ahli dengan syarat permohonan disokong oleh mana-mana dokumen berkenaan seperti laporan Polis, laporan Bomba dan pengesahan Penghulu / Ketua Projek. Dalam keadaan di mana suami dan isteri adalah ahli Pertubuhan, hanya satu permohonan dipertimbangkan bagi tiap-tiap satu kejadian / bencana yang berlaku.
- d. Semua tuntutan bantuan bencana alam hanya diperakui sah dalam tempoh 3 bulan dari tarikh berlaku bencana.

## **3. Bantuan Sakit Di Hospital**

- a. Bantuan sakit di hospital hanya dibayar kepada ahli-ahli, suami atau isteri ahli dan anak-anak ahli yang dimasukkan ke Hospital Kerajaan / Swasta melebihi 3 hari berturut-turut. Kadar bayaran bantuan ialah RM 200.00.

- b. Bantuan ini dibayar kepada ahli tidak melebihi sekali dalam tempoh 4 bulan dan permohonan hendaklah disokong dengan pengakuan pihak Hospital dan pengesahan Ketua Projek.
- c. Bantuan tidak termasuk sakit sebab mengandung / bersalin dan juga rawatan bersalin.
- d. Semua tuntutan bantuan hospital hanya diperakui sah dalam tempoh 3 bulan dari tarikh keluar hospital.

## FASAL 22 PERKARA AM

- 1. Seseorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang bantuan dari golongan yang disebutkan selepas ini. Suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu dan sebapa, saudara seibu atau sebapa, anak kepada saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu dan sebapa, atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada ahli dengan syarat seseorang ahli boleh menamakan mana-mana orang lain dengan bertulis yang ditandatangani sendiri dihadapan dan disaksikan oleh seorang Jaksa Pendamai atau seorang Majistret atau Pendaftar.
- 2. Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan undang-undang Pertubuhan ini apabila diterima menjadi ahli. Orang-orang lain sama ada ahli atau tidak boleh diberi satu salinan undang-undang berdaftar Pertubuhan ini apabila diminta dan dibayarnya wang sebanyak tidak lebih daripada RM 5.00.
- 3. Buku-buku berkenaan Pertubuhan ini dan daftar ahli-ahli boleh diperiksa oleh sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam Kumpulan Wang Pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.
- 4. Ahli-ahli yang ada kemosykilan terhadap Pegawai-Pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemosykilannya di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka-mereka yang ada sangkutannya dengan Pertubuhan ini boleh

mengemukakan kemosykilan ke dalam Mesyuarat Agung melalui ahli Pertubuhan.

